

FIDYAH PUASA

PENGERTIAN FIDYAH

Fidyah puasa bermaksud mengeluarkan secupak makanan asasi bersamaan 675 gram atau yang senilai dengannya untuk sehari puasa yang ditinggalkan atas sebab-sebab yang tertentu atau kerana sengaja melengahkan mengqada puasa yang lalu sehingga tiba Ramadan seterusnya.

DALIL MENGENAI FIDYAH

Hukum membayar fidyah adalah WAJIB menerusi firman Allah S.W.T yang bermaksud :

"..Dan wajib bagi orang-orang yang berat menjalankannya (jika mereka tidak berpuasa) membayar fidyah, (iaitu): memberi makan seorang miskin.."

(Surah al-Baqarah, ayat 184)

SEBAB-SEBAB DIKENAKAN FIDYAH

Seseorang itu boleh dikenakan fidyah apabila dia meninggalkan puasa kerana:-

- **TUA** yang tidak terdaya lagi berpuasa dan sekiranya dia berpuasa akan menimbulkan masyaqqah (kesusahan) atau mudarat diri dan kesihatan.
- **MENINGGALKAN PUASA KERANA SAKIT KRONIK** yang tidak dapat diharapkan sembuh menurut pengalaman atau pengesahan pakar perubatan.
- **MENINGGALKAN PUASA KERANA HAMIL ATAU MENYUSUKAN ANAK** yang sekiranya meninggalkan puasa hanya kerana khuatir keselamatan anaknya sahaja. Disamping itu, wajib mengqada puasa di lain hari.
- **MELEWATKAN MENGQADA PUASA RAMADAN** yang lalu sehingga tiba Ramadan yang seterusnya. Di samping itu, wajib mengqada puasa di lain hari.

TAKSIRAN FIDYAH



Jom Bayar FIDYAH


“WAJIB ATAS ORANG-ORANG YANG TIDAK TERDAYA BERPUASA (KERANA TUA DAN SEBAGAINYA) MEMBAYAR FIDYAH IAITU MEMBERI MAKAN ORANG MISKIN.”

SURAT AL-BAQARAH AYAT 184

KADAR FIDYAH
RM1.90
SEHARI
 1 RAMADAN 1445 -
 30 SYABAN 1446

SITUASI	QADA	FIDYAH
• Perempuan hamil yang bimbangkan dirinya sendiri jika dia berpuasa Ramadan	✓	✗
• Perempuan hamil yang bimbangkan keselamatan anak yang dikandungnya jika dia berpuasa Ramadan	✓	✓
• Perempuan yang menyusukan anak dan bimbangkan keselamatan dirinya jika berpuasa pada bulan Ramadan	✓	✗
• Perempuan yang menyusukan anak dan bimbangkan keselamatan bayinya jika dia berpuasa pada bulan Ramadan	✓	✓
• Orang tua yang sangat uzur dan tidak mampu berpuasa Ramadan	✗	✓
• Perempuan yang didatangi haid sehingga menghalangi puasa Ramadannya	✓	✗
• Orang yang sakit dan tidak ada harapan untuk sembuh kembali	✗	✓
• Orang yang musafir dan berbuka puasa kerana musafirnya	✓	✗
• Orang yang sakit sehingga dia tidak dapat berpuasa dan kemudian sembuh semula	✓	✗
• Bagi kes wanita yang tidak berpuasa kerana bimbangkan keselamatan dirinya semasa hamil dan menyusukan anak, juga kerana didatangi haid, atau bagi pemusafir dan orang yang sakit dan kemudiannya sembuh, jika mereka tidak segera mengqada hingga masuk Ramadan tahun hadapan	✓	✓

Bayar Online
 Imbas KOD QR



➤ Pembayaran di Kaunter (Pejabat Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah)

➤ Pembayaran Secara Pindahan Wang
 MAYBANK | 560148685147, (Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah)



@baitulmalsabah



baitulmal@sabah.gov.my



088-342800



baitulmal.sabah.gov.my

KADAR BAYARAN FIDYAH

Kadar fidyah ialah satu mud atau secupak makanan asasi. Mud adalah ukuran tradisional yang digunakan dalam masyarakat Arab yang merujuk kepada sukatan isian dua tapak tangan sederhana yang dibentangkan.

Ukuran satu mud adalah bersamaan dengan 600 gram (Kitab Al-Muktamad Fi Fiqhi Syafii). Oleh yang demikian, di negeri Sabah nilai kadar semasa bagi bayaran fidyah adalah RM1.75 bagi sehari puasa yang ditinggalkan.

WAKTU MEMBAYAR FIDYAH

Fuqaha sepakat menyatakan waktu membayar fidyah bermula sebaik sahaja ibadah berkenaan tidak dapat disempurnakan. Bagaimanapun waktunya luas dan tidak terhad pada satu tempoh waktu yang tertentu. Namun demikian digalakkan ia disegerakan kerana dikhuatiri tidak dapat dilaksanakan jika bertangguh.

KEDUDUKAN PBNS DALAM PENGURUSAN FIDYAH DI NEGERI SABAH

Secara praktikal bayaran fidyah di Negeri Sabah, orang ramai adalah diharuskan membayar fidyah melalui PBNS dan perkara ini telah termaktub dalam Enakmen PBNS 1998, Seksyen 20 (2), (m) dengan jelasnya menyebut:

'Setiap hutang atau denda tebus diri yang wajib dibayar mengikut Hukum Syarak seperti fidyah-fidyah, langgar sumpah, diat dan sebagainya bolehlah dibayar dan diserahkan kepada Baitulmal'.

Sebagai sebuah Agensi Agama di Negeri Sabah yang mentadbir wang bayaran fidyah, PBNS akan mengagihkan bayaran fidyah tersebut kepada golongan yang memerlukan sesuai dengan tuntutan syarak.

Justeru itu, untuk lebih memudahkan orang ramai yang ingin melaksanakan bayaran fidyah boleh dibayar di :

Pejabat PBNS, Tingkat 2, Blok B, Wisma MUIS

atau bayaran terus ke nombor akaun

560148685147 (MAYBANK) atas nama Perbadanan Baitulmal Negeri Sabah.